

# CALON TERJUN

Anda memerlukan penyertaan pemegang saham untuk melantik pengarah baharu tetapi tiada maklumat yang jelas tentang kelayakan dan kepakaran mereka. Ini bukan tadbir urus yang berkesan tetapi meneka dalam kesamaran.

## UNDI DAHULU, TANYA KEMUDIAN? PERTARUHAN TADBIR URUS DI JENTAYU

Dalam setiap drama korporat pasti ada watak protagonis, antagonis dan konflik yang cukup kompleks untuk memenuhi ruangan perniagaan selama berminggu-minggu.

Situasi yang sedang berlaku dalam Jentayu Sustainables Berhad merangkumi kesemua elemen tersebut. Ada tuntutan rasmi (*requisition*) daripada sekumpulan pemegang saham. Ada cadangan untuk menyingkirkan semua Lembaga Pengarah dan cadangan pencalonan barisan pengarah baharu. Pada masa yang sama, beberapa tindakan undang-undang sedang berjalan di mahkamah.

Bagaimanapun, mari kami jelaskan dari awal.

Rencana ini bukan berkisar tentang dakwaan yang dibangkitkan oleh kumpulan pemegang saham yang membuat tuntutan tersebut. Ia bukan tentang sama ada lembaga pengarah yang sedia ada wajar dikekalkan atau digugurkan, malah ia juga bukan tentang siapa yang betul dalam pertikaian yang lebih luas ini.

Fokus kita hanya pada satu isu tadbir urus yang khusus iaitu pencalonan pengarah baharu tanpa pendedahan yang mencukupi tentang siapa mereka dan apakah nilai yang dibawa oleh mereka kepada syarikat. Kami tidak memihak kepada sesiapa pun, sama ada lembaga pengarah yang sedia ada ataupun pihak yang membuat tuntutan. Kami mengulas secara bebas, dari perspektif pemegang saham minoriti yang bersedia, layak dan berhak untuk mengundi.

Seperti mana-mana pemegang saham yang bertanggungjawab, kami bertanya satu soalan mudah: Bagaimanakah keputusan dapat dibuat apabila undian diminta untuk dilaksanakan tanpa sebarang maklumat?

### Menukar Ahli Lembaga Tanpa Memberikan Maklumat

Tuntutan tersebut mencadangkan perubahan yang menyeluruh. Ia melibatkan bukan seorang, bukan dua orang pengarah tetapi keseluruhan lembaga bakal digantikan dengan senarai calon baharu. Ini bukan urusan rutin tetapi ibarat menekan butang “reset” dalam sebuah organisasi.

Namun, di sinilah timbulnya masalah.

Pencalonan dibuat tanpa menyertakan profil pengarah. Tiada latar belakang terperinci. Tiada penerangan jelas tentang pengalaman mereka. Tiada penjelasan bagaimana kesemua individu ini dapat menyelaraskan strategi, seterusnya memperkuat keupayaan lembaga secara kolektif. Tiada matriks kemahiran untuk menunjukkan jurang yang dapat diisi dengan kehadiran mereka. Pemegang saham seolah-olah diminta meluluskan satu pasukan kepimpinan baharu hanya berdasarkan senarai nama.

Bayangkan anda sedang mengendalikan sesi temu duga dan diberitahu, “Percayalah cakap kami, calon-calon ini memang bagus!”. Tapi, sanggupkah anda menandatangani kontrak tanpa melihat kelulusan, kelayakan dan pengalaman calon tersebut? Wajarkah anda melantik mereka sebagai pengurus dana tanpa menyemak rekod prestasi mereka? Beranikah anda memilih seorang pakar bedah tanpa mengetahui latar belakang profesionalnya?

Namun inilah yang sedang berlaku. Kita diminta supaya melantik pengarah yang dapat memikul tanggungjawab fidusiari, mengawasi strategi, menjaga modal syarikat serta memastikan kelestarian syarikat dalam jangka panjang, sedangkan kita langsung tidak diberikan apa-apa maklumat asas tentang mereka.

Hak pemegang saham untuk mengundi sering digambarkan sebagai demokrasi korporat. Namun, demokrasi tanpa maklumat hanyalah sandiwara semata-mata. Pengarah bukan sekadar perhiasan dalam sesebuah organisasi. Mereka menentukan hala tuju strategik, memantau pengurusan risiko, meluluskan peruntukan modal. Mereka memastikan pihak pengurusan bertanggungjawab, selain mereka sendiri terikat dengan tanggungjawab statutori dan fidusiari.

Menukar lembaga pengarah bukanlah semudah menukar perabot pejabat. Ia ibarat menukar nakhoda kapal. Sebelum menyerahkan kemudi syarikat kepada pasukan baharu, pemegang saham perlu memahami pengalaman mereka dalam sektor yang diceburi Jentayu, yang termasuk kefahaman tentang tenaga boleh baharu dan pasaran modal, pendedahan terhadap struktur pembiayaan yang kompleks, serta sama ada mereka secara kolektif mempunyai literasi kewangan, kekuatan tadbir urus, kebebasan dan kesepaduan yang diperlukan untuk membentuk lembaga pengarah yang berkesan.

Tanpa maklumat ini, pemegang saham sebenarnya bukan mengundi. Mereka sedang teraba-raba dalam kegelapan.

### **Kepatuhan Teknikal Bukan Pengganti Ketelusan**

Sesetengah pihak mungkin berhujah bahawa Syarat-syarat Penyenaraian tidak secara jelas mewajibkan pendedahan profil pengarah secara terperinci dalam situasi Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM). Dari sudut teknikal, hujah itu mungkin ada benarnya.

Perenggan 8.27(2) Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia terpakai kepada notis Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan merujuk kepada Lampiran 8A, yang menetapkan syarat pendedahan khusus termasuk butiran biografi untuk pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan atau pemilihan semula.

Namun ini adalah EGM dan bukan AGM. Adakah itu bermakna syarikat boleh mengetepikan standard pendedahan? Tidak semestinya.

Perenggan 8.27(3) menyatakan bahawa notis mesyuarat agung yang dipanggil untuk mempertimbangkan urusan khas perlu disertakan dengan nota penjelasan yang mengandungi maklumat penting bagi membolehkan ahli membuat keputusan secara termaklum. Nota tersebut juga perlu menjelaskan kesan daripada resolusi yang dicadangkan.

Ada dua frasa yang memainkan peranan di sini: “maklumat penting” dan “keputusan secara termaklum”. Pelantikan dan penyingkiran pengarah jelas merupakan urusan khas. Maka persoalan yang tidak dapat dielakkan ialah, bolehkah pemegang saham membuat keputusan secara termaklum untuk menyingkirkan keseluruhan lembaga pengarah dan melantik lembaga baharu tanpa mengetahui latar belakang, pengalaman dan sumbangan yang akan diberikan oleh bakal pengarah tersebut?

Jika jawapannya tidak, maka pendedahan yang diberikan mestilah sekurang-kurangnya memenuhi semangat tadbir urus yang baik. Tadbir urus bukan bermakna sekadar mematuhi ruang teknikal dalam peraturan. Ia tentang mengutamakan intipati berbanding dengan luarannya sahaja (*substance over form*).

## Demokrasi Tanpa Pendedahan

Isu teras di sini ialah kesaksamaan maklumat. Apabila pemegang saham mengundi berkaitan penggabungan, mereka menerima laporan penilaian. Apabila mempertimbangkan urusan niaga pihak berkaitan, mereka boleh merujuk penasihat bebas yang disediakan. Justeru, adalah munasabah untuk bertanya: mengapakah apabila mengundi individu yang bakal menentukan strategi korporat syarikat – iaitu para pengarah – tiba-tiba standard pendedahan menjadi longgar? Jika lembaga pengarah yang sedia ada dinilai berdasarkan rekod prestasi dan pencapaiannya, maka calon baharu juga wajar dinilai berdasarkan kelayakan, pengalaman dan kesesuaian mereka.

Kesaksamaan bukan bermaksud berat sebelah atau menghalang perubahan. Ia bermaksud keadilan. Pemegang saham perlu diberikan maklumat yang seimbang dan mencukupi untuk membuat keputusan secara bertanggungjawab. Tanpa kesaksamaan ini, pemegang saham minoriti berada dalam kedudukan yang tidak seimbang. Mereka diminta melaksanakan hak untuk mengundi tetapi tidak diberikan peralatan yang mencukupi.

Isu ini juga pernah dibangkitkan dalam maklum balas MSWG kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berhubung rangka kerja tadbir urus korporat. Dua cadangan utama telah dikemukakan.

Pertama, pendedahan mandatori matriks kemahiran lembaga. Pemegang saham perlu memahami kompetensi yang diperlukan oleh lembaga pengarah dan sama ada calon yang dicadangkan benar-benar mengisi jurang yang wujud. Matriks kemahiran bukan sekadar kosmetik tetapi ia panduan untuk mengemudi peta tadbir urus.

Kedua, tiada istilah pengarah bidan terjun tanpa pendedahan yang mencukupi. Sebarang tuntutan atau permintaan untuk melantik pengarah perlu disertakan dengan maklumat yang komprehensif berhubung latar belakang, kepakaran, status kebebasan dan sumbangan yang dijangkakan daripada mereka.

Cadangan ini bukan dibuat khusus untuk kes Jentayu, tetapi bagi menangani jurang tadbir urus yang lebih luas dan kes ini menjadi contoh nyata jurang tersebut.

### **Pengajaran Lebih Besar Tentang Tadbir Urus**

Peristiwa yang berlaku dalam EGM Jentayu wajar dijadikan sebagai pengajaran. Standard pendedahan semakin kukuh, seiring dengan pasaran korporat Malaysia yang berkembang pesat. Laporan kemampanan kini bukan lagi nota kaki, tetapi diberikan satu bab khusus. Kod tadbir urus sentiasa dikemas kini. Kita fasih apabila berbicara tentang ESG, keberkesanan lembaga dan penciptaan nilai jangka panjang. Namun apabila melibatkan pencalonan pengarah, terutamanya dalam situasi yang dipertikaikan, kebanyakan pemegang saham masih terpinga-pinga dan kurang jelas.

Pasaran berkembang dengan ketelusan. Maklumat yang dikongsi secara seimbang dan boleh dijangka mampu meningkatkan keyakinan. Namun, apabila pendedahan terlalu minimum, walaupun dibenarkan secara teknikal, keraguan mulai timbul. Kepercayaan tidak runtuh dalam sehari, begitu juga dengan kewibawaan. Ia terlerai secara perlahan-lahan, seperti pesisir pantai yang saban hari dipukul ombak. Ternyata membina semula kepercayaan jauh lebih sukar daripada menukar pengarah.

Tiada lembaga yang kebal. Oleh itu, tidak salah untuk menuntut perubahan. Lagipun, pengarah berkhidmat atas mandat pemegang saham. Perubahan, walaupun dalam konteks korporat, tidak wajar berlaku dalam kegelapan dan ketidakpastian. Sebelum kita menyingkirkan pengarah, kita perlu tahu siapa yang akan menggantikan mereka. Sebelum kita merombak struktur tadbir urus, kita perlu meneliti pelan struktur baharu itu.

Sebelum kita mengundi, kita perlu diberikan maklumat yang mencukupi. Hal ini kerana demokrasi korporat tanpa maklumat bukanlah demokrasi, tetapi perjudian.

Justeru, pemegang saham minoriti tidak sepatutnya diminta mempertaruhkan modal mereka secara rambang.

**[TAMAT]**



#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.